

GABUNGAN TAKLIMAT PRODUK KEBAJIKAN ATM OLEH MARKAS TENTERA UDARA - CAWANGAN PERKHIDMATAN DAN KOPERASI TENTERA

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3229-gabungan-taklimat-produk-kebajikan-atm-oleh-markas-tentera-udara-cawangan-perkhidmatan-dan-koperasi-tentera

MINDEF, 26 Mac 18 - Cawangan Perkhidmatan dengan kerjasama INSTAR, Pangkalan Udara Subang telah menganjurkan gabungan taklimat produk kebajikan ATM bersama pihak Koperasi Tentera kepada penuntut-penuntut kursus di INSTAR. Markas Tentera Udara - Cawangan Perkhidmatan diwakili oleh PS 2 Pendidikan dan PS 2 Kebajikan sementara taklimat dari Koperasi Tentera disampaikan oleh Pegawai-pegawai Eksekutif Koperasi Tentera Cawangan Wangsa Maju.

Taklimat daripada Cawangan Perkhidmatan meliputi tajuk bantuan pendidikan kepada anak-anak ATM, Tabung Kebajikan TUDM, Tabung Kebajikan Angkatan Tentera dan bantuan perubatan. Taklimat daripada Koperasi Tentera pula merangkumi aspek skim bantuan dan faedah serta insurans yang boleh dimanfaatkan sebagai anggota Koperasi Tentera. Semoga semua penuntut kursus yang terlibat dapat memanfaatkan pengetahuan yang diperolehi dalam taklimat ini.



